A Singapore Government Agency Website



# Bekalan ayer untok Sungai Ramal Dalam

Berita Harian, 31 May 1963, Page 7

Article also available on Microfilm Reel NL3202

Scroll to Top

< Previous Article Next Article > < Previous Page Next Page >

## Bekalan ayer untok Sungai Ramal Dalam

KAJANG, Khamis.—Ranchangan memberi bekalan ayer paip ka-kampong Sungai Ramal Dalam, sa-buah kampong yang selalu di-timpa kemarau bila musim panas, sedang di-selenggarakan sekarang ini.

Pengerusi Pembangunan Luar Bandar Daerah Kajang, Inche' Othman bin Mohd Din, telah memberi tahu ahli2 jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar daerah ini pada minggu yang lalu, bahawa bekalan ayer paip ka-kampong2 daerah ini sedang di usahakan.

Salah satu kampong yang di-beri bekalan ayer itu ia-lah Kampong Sungai Ramal Dalam yang telah terpaksa di-beri perbekalan ayer minum sabanyak 1,000 gelen sa-hari oleh Majlis Bandaran Kajang di-sepanjang musim kemarau yang telah menimpa daerah ini salama tiga bulan.

**Information**



Newspaper: Berita Harian

Date: 31 May 1963

Reel Number: NL3202

Share

**Table of Contents**

< Previous Page 7 Next >

P.L.B. SERAH KUASA KAPADA JAWATANKUASA KAMPONG
P.L.B. SERAH KUASA KAPADA JAWATANKUASA KAMPONG f\'GGONG Khamls. L jawatankuasa

PERADUAN FOTOGRAFI UTK MELAYU
PERADUAN FOTOGRAFI UTK MELAYU CINGAPURA, Khamis. Peraduan fotogratt bagi

Tahanan yg lari maseh di-chari
Tahanan yg lari maseh di-chari SUNGAI PATANI, Khamls. Polia Sungai Patani maseh menchari Saorang

View Full Table of Contents >

Inche' Othman juga menerangkan bahawa pada masa ini kira2 sa-ramai 400 keluarga yang tinggal di-daerah Kajang telah pun menerima bekalan ayer paip di-rumah2 mereka dan bagi pendudok2 yang tidak mampu telah di-sediakan paip besar di-tepi2 jalan raya.

Untok memberi bekalan ayer paip kapada semua pendudok2 kampong yang jaoh dari jalan raya, Jabatan Kerja Raya daerah ini sedang memasang saloran paip besar untok menghubongkan berbekalan ayer dari kampong yang berhampiran dengan jalan raya ka-kampong2 yang terpenchil.

Menurut Inche' Othman lagi usaha ini di-jangka akan siap pada penghujong tahun ini.

## Related Articles

No related article found.

National Library Board

Contact Us Feedback FAQ

ort Vulnerability Terms of Use Linking Disclaimer Privacy Statement Takedown Policy

©2023 Government of Singapore
Last Updated 2019-10-29